

Rombak Kriteria Kembali Bekerja Untuk Petugas Kesihatan Disahkan Covid

Gabungan Kesihatan Malaysia (MHC) menzahirkan kebimbangan terhadap pengumuman [Annex 21b: Management of Healthcare Worker Confirmed with Covid-19 in the Event of a Human Resource Crisis](#) pada 21 Mac 2022. Annex 21b merupakan dokumen rujukan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia untuk memastikan bilangan petugas kesihatan yang mencukupi di fasiliti kesihatan dengan membenarkan petugas kesihatan yang disahkan COVID-19 untuk kembali bekerja pada hari ke-enam.

Sehingga 23 Mac 2022, kadar ketidakhadiran harian negara di kalangan petugas kesihatan disebabkan kontak rapat berisiko tinggi atau disahkan positif COVID-19 melebihi 6%. Ini boleh menyebabkan gangguan dalam bilangan kakitangan kesihatan di hospital dan klinik, dan gangguan perkhidmatan. Oleh itu, kami memahami usaha kerajaan untuk memastikan bilangan petugas kesihatan yang mencukupi untuk memastikan perkhidmatan kesihatan yang lancar kepada pesakit. Walau bagaimanapun, mengurangkan tempoh isolasi dari 7 hari kepada 5 hari boleh memudaratkan keselamatan petugas kesihatan dan pesakit.

Menurut kajian, sebanyak 50% pesakit COVID-19 masih boleh membawa [keberjangkitan pada hari ke-5](#) atau seterusnya. Petugas kesihatan yang kembali bekerja pada hari ke-enam boleh menyebabkan kluster fasiliti kesihatan. Kami menyeru kerajaan untuk berwaspada dengan penggunaan Annex 21b sebagai garis panduan untuk mengatasi masalah kekurangan petugas kesihatan kerana, ia boleh meningkatkan beban kes COVID-19 dan tidak adil kepada petugas kesihatan dan keluarga mereka.

Kami menggesa kerajaan untuk mewajibkan ujian antigen untuk petugas kesihatan yang disahkan positif COVID-19 tidak bergejala pada hari ke-5 dan hanya membenarkan mereka yang mempunyai keputusan negatif untuk kembali bekerja. Petugas kesihatan yang berisiko tinggi dengan tanggungan, terutamanya kanak-kanak, mesti dibenarkan untuk melengkapkan tempoh pengasingan selama 7 hari, kerana pihak kemudahan penjagaan dan pendidikan kanak-kanak mungkin tidak menerima anak-anak mereka sehingga tempoh pengasingan dilengkapkan. Kami juga menyeru kerajaan untuk memberi sijil cuti sakit atau *medical certificate (MC)* bagi mengelakkan penggunaan cuti tahunan untuk sebarang hari rehat tambahan yang diambil, untuk memastikan pihak ibu bapa dan anak-anak selamat kembali bekerja atau ke sekolah.

Pada masa yang sama, kerajaan mesti menyediakan peralatan perlindungan diri yang sesuai, termasuk [pelitup muka](#) yang disarankan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) (N95, KF94 atau FFP2) untuk petugas kesihatan.

Walaupun kami mengalu-alukan usaha kerajaan untuk mengurangkan beban terhadap sistem kesihatan negara dan penyampaian perkhidmatan kesihatan yang lancar, namun keselamatan dan kebajikan petugas kesihatan perlu diberi perhatian yang sama rata. Kami percaya dan berharap bahawa kerajaan akan menilai semula kandungan Annex 21b, untuk bertindak adil dan saksama.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA.

Gabungan Kesihatan Malaysia (*Senarai tandatangan penuh di myhealthcoalition.org*)
29 Mac 2022

Untuk Pertanyaan: malaysianhealthcoalition@gmail.com
[Website](#) | [Facebook](#) | [Twitter](#)

Senarai Tandatangan:

Persatuan

1. Academy of Medicine Malaysia
2. Association of Malaysian Optometrists
3. College of Anaesthesiologists
4. Malaysian Association of Environmental Health
5. Malaysian Nurses Association
6. Malaysian Pharmacists Society
7. Malaysian Society of Anaesthesiologists
8. Malaysian Society of Clinical Psychology
9. Malaysian Society of Occupational Safety and Health
10. Malaysian Thoracic Society
11. Medical Practitioners Coalition Association of Malaysia
12. Obstetrical and Gynaecological Society of Malaysia
13. Perinatal Society of Malaysia
14. Pertubuhan Doktor-Doktor Islam Malaysia

Individu

1. Dato' Dr Amar Singh-HSS
2. Dato' Dr Jahizah Hassan
3. Dr Khor Swee Kheng
4. Prof Dr Roslina Abdul Manap
5. Prof Dr Sharifa Ezat Wan Puteh

Diselaraskan oleh: Mellinda Xavier